



TEMPOH MINIMUM PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN PERAKUAN PENDAFTARAN DI BAWAH PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Prihatin atas keluhan serta permohonan wakil pengguna data, Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi (PDP) bersetuju untuk menawarkan pilihan tempoh minimum pendaftaran serta pembaharuan perakuan pengguna data **satu (1) tahun bermula dari tarikh 3 Mei 2021 hingga 31 Disember 2021.**

Penawaran ini bertujuan bagi memudah serta melancarkan proses pendaftaran dan pembaharuan pengguna data sedia ada selain bagi mengurangkan beban yuran pendaftaran di mana pengguna data hanya perlu membuat bayaran minimum untuk tempoh setahun sahaja.

Inisiatif ini adalah bagi membantu 13 golongan pengguna data yang wajib berdaftar di bawah peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] yang terkesan akibat pandemik Covid – 19.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi Unit Pendaftaran, Jabatan Perlindungan Data Peribadi di talian 03-89117919/ 5180/ 7802/ 5113/ 5288/ 7987.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi

3 Mei 2021